

10 JUL 2004

Umno-Bahagian (Pemuda/Khir Toyo)

TASEK GELUGOR CALONKAN KHIR TOYO SEBAGAI NAIB KETUA PEMUDA

BUTTERWORTH, 10 Julai (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Bahagian Tasek Gelugor hari ini membuat kejutan apabila mencalonkan Menteri Besar Selangor

Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo sebagai naib ketua pergerakan itu.

Walaupun Mohamad Khir tidak pernah menawarkan diri untuk bertanding,

Pemuda bahagian itu sebulat suara mencalonkan beliau.

Pemuda bahagian itu juga mencalonkan Datuk Hishammuddin Tun Hussein

sebagai ketua pergerakan itu.

Ketika diminta mengulas mengenai pencalonan itu, Ketuanya Zulkifli

Yahaya berkata, ia dibuat untuk memberi alternatif kepada Pemuda untuk

memilih calon yang benar-benar layak menduduki jawatan nombor dua itu.

"Kami berpendapat adalah wajar jawatan naib ketua disandang oleh Menteri memandangkan Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein juga adalah

seorang Menteri dan tidak ada salahnya mencalonkan Mohamad Khir sebab

beliau seorang Menteri Besar," katanya.

Menurutnya, exco Pemuda, Khairy Jamaluddin, yang menerima pencalonan

paling banyak untuk jawatan itu, "masih terlalu muda dan mempunyai masa

yang panjang" untuk meneruskan perjuangan dalam pergerakan itu.

Katanya, setakat ini kemampuan Khairy juga belum teruji dan masih

banyak yang perlu dipelajari dalam selok belok politik.

Beliau juga berkata, Pemuda bahagian itu tidak melihat kedudukan Khairy

sebagai menantu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam

membuat keputusan itu.

"Kita tidak melihat pertalian itu, Khairy adalah satu orang yang lain

dan Pak Lah satu orang yang lain," katanya.

Mohamad Khir adalah calon keempat yang dinamakan untuk jawatan naib

ketua selepas Khairy, Mukhriz Tun Dr Mahathir dan Datuk Azimi Daim.

Setakat ini, Khairy memperolehi lebih 50 pencalonan manakala Mukhriz,

Azimi dan Mohamad Khir masing-masing satu pencalonan.

Sehingga pukul 9.30 malam, keputusan pemilihan di peringkat

Pemuda

bahagian itu belum diketahui dan Zulkifli dicabar oleh Azmi Alang.

Sementara itu empat ketua penaja Pergerakan Wanita Umno di Pulau Pinang

hari ini mengekalkan jawatan masing-masing setelah menang tanpa bertanding

pada persidangan perwakilan yang diadakan di kawasan masing-masing.

Mereka ialah Ros Suryati Alang dari bahagian Bayan Baru, Datuk Jahara

Hamid (Tasek Gelugor), Faridah Mat Hussain (Bukit Mertajam) dan

Rohaya Abu

Ismail (Batu Kawan).

Bagaimanapun, jawatan ketua bahagian dan naib ketua Wanita Bagan belum

ddiketahui kerana sehingga pukul 10.30 malam keputusan pertandingan belum

diumumkan.

Ketua Wanita Bagan, Jumabi Mohamad dicabar oleh bekas ketua pergerakan

wanita bahagian itu, Salhah Ismail manakala naibnya, Che Norlia Mohamad

menentang Fatimah Sirat.

Naib-naib ketua wanita yang lain ialah Salmah Ahmad (Tasek Gelugor),

Norsiah Nyak Othman (Bukit Mertajam), Che Bashah Ishak (Batu Kawan)

dan

Hayati Datuk Ismail (Bayan Baru).

Pada hari ini lima bahagian Pergerakan Wanita (Bagan, Tasek Gelugor,

Bukit Mertajam, Batu Kawan dan Bayan Baru), enam bahagian Puteri (kelima-lima di atas dan Bukit Gelugor) dan tujuh bahagian Pemuda (kesemua

enam bahagian ini dan Tanjong) mengadakan persidangan masing-masing.

Bagi Pergerakan Pemuda, tiga orang ketuanya menang tanpa bertanding

iaitu Marzuki Yahaya (Bagan) dan Mohamad Ridzuan Abdul Rahim (Bukit Gelugor) dan Ramlan Ishak (Bukit Mertajam) manakala Zulkifli Yahaya (Tasek

Gelugor), Muhamad Shahrudin Hasan Tajuddin (Tanjong) dan Norman Zahalan

(Bayan Baru) mengalahkan pencabar masing-masing.

Jawatan naib ketua pula disandang oleh Azahari Aris (Bayan Baru),

Hisham Ahmad Sabri (Bukit Gelugor), Zaki Abdul (Bagan), Khairuddin Mustafa

(Tanjong), Ismail Ishak (Tasek Gelugor).

Bagi pergerakan Puteri pula, bahagian Bagan diterajui oleh Arbayah

Tarmizi, Nor Hafizah Othman (Tasek Gelugor), Sarijam Ahmad (Batu Kawan) dan

Noor Hayati Fitrah Shahrill (Bayan Baru).

-- BERNAMA

ZU AZE NH NHA ZS PR